



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

SEMPENA

MAJLIS PENGISTIHRAN
RUMAH KANAK-KANAK TOH PUAN HAJAH NORKIAH

21 JANUARI 2016

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

SALUTASI

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat dan rahmatNya kita dapat bersama dalam majlis pada pagi ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana menjemput saya hadir ke Majlis Pengistiharan nama baru Rumah Kanak-kanak Kuching iaitu, Rumah Kanak-kanak Toh Puan Hajah Norkiah, Kuching Sarawak.
2. Sukacita saya memaklumkan bahawa penukaran nama ini adalah berkuatkuasa mulai 31 Ogos 2015. Penukaran nama ini dibuat kerana pihak Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat amat menyanjung tinggi jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah yang amat mengambil berat tentang kebajikan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak yang tidak bernasib baik. Cadangan penukaran nama Rumah Kanak-kanak Kuching Sarawak kepada Rumah Kanak-kanak

Toh Puan Hajah Norkiah, Kuching Sarawak sebagai salah satu cara untuk mengabadikan dan mengenang jasa YABhg. Toh Puan.

3. Sesungguhnya jasa YABhg. Toh Puan amat banyak untuk disebut, diantaranya beliau merupakan penaung kepada semua Institusi Kebajikan di Negeri Sarawak. Beliau amat gemar mengadakan program-program di institusi kebajikan, terutamanya institusi kanak-kanak. Saya percaya kanak-kanak di institusi akan senantiasa mengingat beliau terutama apabila menjelangnya hari-raya perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Hari Gawai. Beliau tidak pernah lupa membawa kanak-kanak institusi untuk membeli pakaian baharu dan memberi sumbangan berupa cenderahati, duit raya dan angpau untuk mereka.

4. Penghargaan dengan cara ini sesungguhnya tidak dapat membalas dan membayar segala pengorbanan yang telah dicurahkan oleh YABhg. Toh Puan terhadap kebajikan kanak-kanak di Negeri Sarawak. Hanya Allah Taala sahajalah yang dapat membalas segala jasa dan pengorbanan tersebut. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT supaya YABhg. Toh Puan dipanjangkan umur dan dikurniakan kesihatan yang baik agar dapat terus berbakti untuk kebajikan rakyat Negeri Sarawak.

**YABhg. Toh Puan, Dato', Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
sidang hadirin sekalian.**

PERANAN LEMBAGA PELAWAT

4. Menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan tidak hanya terhad kepada bentuk kewangan dan material semata-mata. Sedikit peruntukan masa, tenaga dan sokongan dari segi mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada yang memerlukan. Justeru, saya amat mengalu-alukan serta menghargai sumbangan dan sokongan Lembaga Pelawat terhadap Rumah Kanak-kanak RKK Toh Puan Hajah Norkiah selama ini.
5. Seperti mana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah Kementerian yang diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan, penjagaan serta membangunkan kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas termasuklah yang berada di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian sentiasa menghadapi pelbagai cabaran di dalam menangani masalah sosial yang semakin membimbangkan melibatkan kumpulan sasarannya seperti gejala pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak, keganasan rumahtangga, pengabaian warga emas dan orang kurang upaya, peningkatan pengemis, gelandangan

dan pesakit mental yang mana sebilangan besar dari mereka akan ditempatkan di Institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Maka pihak institusi perlu melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang besar untuk memberi perlindungan dan penjagaan kepada penghuninya. Maka di sinilah terletaknya peranan Lembaga Pelawat untuk menyokong Kementerian dengan membantu dalam pentadbiran dan pengurusan Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian amat-amat menghargai segala bentuk sokongan dan komitmen yang telah diberikan oleh semua Ahli-ahli Lembaga Pelawat RKK Toh Puan Hajah Norkiah ini.

YABhg. Toh Puan, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan para hadirin sekalian,

MAKLUMAT BERKAITAN RUMAH KANAK-KANAK

6. Di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk menjaga segala hal ehwal kebajikan kanak-kanak. Selain itu, Malaysia sebagai negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) mempunyai obligasi untuk memastikan kesejahteraan dan kepentingan terbaik untuk kanak-kanak di negara ini sentiasa diberi keutamaan dalam agenda pembangunan Kerajaan, khususnya berhubung aspek

perlindungan, kelangsungan hidup, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak. Dasar Perlindungan Kanak-kanak juga digubal bagi menggalakkan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama.

7. Hal ini dikuatkan lagi dengan Rang Undang-Undang Kanak-Kanak Pindaan 2015 yang telah dibacakan di Parlimen pada hujung tahun lalu untuk bacaan pertama dan Kementerian dalam fasa memberi penerangan yang jelas kepada warga dalaman Kementerian dan agensi, pihak media dan keseluruhan masyarakat sebelum ia dibaca ke bacaan kedua insyaAllah pada Mac akan datang. Malah esok akan turut berlansung sesi taklimat RUU KK ini bersama warga JKM Sarawak serta pengamal media Sarawak.
8. Penubuhan Rumah Kanak-Kanak juga membuktikan kesungguhan Kerajaan untuk memelihara hak dan masa depan kanak-kanak di negara ini. Justeru, Jabatan Kebajikan Masyarakat komited untuk memastikan kanak-kanak di bawah jagaan Rumah Kanak-Kanak mendapat perlindungan dan pemeliharaan yang terbaik serta membantu perkembangan menyeluruh untuk tumbesaran kanak-kanak dalam suasana yang merangsang pembangunan individu.

9. Sehingga kini, sebanyak 13 buah Rumah Kanak-kanak di seluruh Malaysia yang mampu menampung seramai 1,500 orang kanak-kanak pada satu-satu masa. Matlamat asas Rumah Kanak-kanak adalah untuk memberi jagaan gantian kepada kanak-kanak dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana yang harmoni.

**YABhg. Toh Puan/ Dato'/Datuk/ Tuan-tuan dan Puan-puan
Hadirin Yang Dihormati,**

DEINSTITUTIONALISATION SATU PENDEKATAN BARU

10. Suka saya nyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini sedang dalam usaha memperkenalkan pendekatan Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (*De-institutionalisation*) yang mana ia merupakan proses untuk menggantikan penempatan di institusi kebajikan secara berterusan dengan menempatkan kanak-kanak di dalam jagaan ibu atau bapa atau penjaga gantian. Hasil kajian pakar menunjukkan bahawa pembesaran kanak-kanak adalah lebih sempurna apabila berada dalam persekitaran keluarga yang sihat.
11. Untuk mencapai tujuan tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang dalam perancangan menyeluruh bagi

memastikan pendekatan Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (*De-Institutionalisation*) ini dapat dilaksanakan dengan teratur serta menjamin kesejahteraan kanak-kanak. Bagi tahun 2015, sehingga Disember, Jabatan telah melaksanakan pendekatan ini dengan menempatkan seramai 60 orang kanak-kanak dalam jagaan ibu atau bapa atau keluarga pelihara.

**YABhg. Toh Puan/ Dato'/Datuk/ Tuan-tuan dan Puan-puan
Hadirin Yang Dihormati,**

KERJASAMA SEMUA PIHAK

12. Bagi memenuhi hak dan keperluan kanak-kanak, ia tidak tertumpu kepada pihak Kerajaan sahaja, malah penglibatan semua pihak akan memberi banyak manfaat kepada kanak-kanak. Justeru itu, KPWKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama yang erat dengan semua agensi Kerajaan, syarikat korporat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan kanak-kanak.
13. Sebenarnya jalinan perkongsian bijak dan *strategic alliance* di antara Kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela kebajikan, sektor korporat dan masyarakat umum selaras dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama" adalah amat dialu-

alukan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak dapat dipenuhi dengan sewajarnya.

**YABhg. Toh Puan/ Dato'/Datuk/ Tuan-tuan dan Puan-puan
Hadirin Yang Dihormati,**

14. Akhir kata, saya mengucapkan mengucapkan terima kasih kepada YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah, Ahli-ahli Lembaga Pelawat Rumah Kanak-kanak Toh Puan Hajah Norkiah dan pihak-pihak lain yang telah memberi komitmen menjaga kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak di Institusi ini.

15. Saya amat berharap dengan pengistiharan nama baru ini akan mencetuskan semangat kanak-kanak dan juga warga kerja RKK Toh Puan Hajah Norkiah menjadi insan yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, berakhlak mulia dan berketerampilan serta dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara bagi mencapai matlamat modal insan kelas pertama sejajar dengan hala tuju Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.